





▲ **PEMANDANGAN** dari udara sekitar bandar Johor Bahru yang dilanda banjir, semalam.

▶ **PEKAN** Segamat yang terputus hubungan apabila jalan utamanya di Jalan Genuang dinaiki air akibat banjir terburuk yang melanda seluruh negeri Johor, semalam.
- Gambar **SIN CHEW**



ISTERI Tengku Mahkota Johor, Raja Zarith Sofiah ibni Al-Marhum Sultan Idris Shah (kanan) beramah mesra dengan salah seorang mangsa banjir, Diana Zarfina Mohd. Parudin dan anaknya Norfiana Sufian, 4 bulan yang ditempatkan di Sekolah Rendah Kebangsaan (C) Pu Sze, Skudai Johor, semalam.

- Gambar **MOHD. FARIZWAN HASBULLAH**



TALI terpaksa digunakan untuk memindahkan mereka yang terperangkap dalam banjir di Kluang, Johor, semalam.



SEBAHAGIAN penduduk Kampung Laut, Skudai, Johor yang ditempatkan di dewan Sekolah Kebangsaan (C) Pu Sze, semalam.



▲ **SAMSURI** Muhammad menggunakan pelampung untuk menyelamatkan ayam ternakannya setelah kediamannya ditenggelami banjir akibat hujan lebat di Johor Bahru, semalam.

▶ **KEADAAN** sebuah jambatan yang hampir runtuh dihanyutkan oleh arus deras dan pasti mengundang bahaya kepada pengguna jalan raya di Kampung Beringin, Kerubong, Melaka, semalam.

— Gambar **GAIE UCHEL**

